

SOALAN NO: 102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN HAJAH ZURAI DAH BT. KAMARUDDIN

TARIKH: 18 MEI 2016

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat ini berapa peratus syarikat yang berdaftar melaksanakan gaji minima terhadap pekerja-pekerja mereka.

PR-1342-L74745

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan **aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) setakat 31 Mac 2016** adalah seperti berikut:

- a. jumlah **pemeriksaan berkanun** yang telah dilaksanakan oleh JTK adalah sebanyak **92,566** dan daripada jumlah tersebut didapati **91,316 (99%)** majikan telah melaksanakan gaji minimum;
- b. manakala jumlah **tuntutan kes buruh** berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak **1,784 kes** dan daripada jumlah tersebut sebanyak **505 (28%)** telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan selebihnya masih dalam tindakan JTK;
- c. jumlah **aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum** pula adalah sebanyak **1,921** aduan dan daripada jumlah ini sebanyak **1,882 (98%)** telah diselesaikan;

- d. berkenaan dengan **tindakan pendakwaan kerana kegagalan majikan membayar gaji minimum**, sebanyak **305** kertas pendakwaan telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU). Daripada jumlah ini, sebanyak **132 majikan** telah disabitkan kesalahan dan **sejumlah RM376,600.00 denda telah dikenakan**. Bakinya sebanyak **69 kes** masih dalam perbincangan; dan
- e. manakala jumlah **kes pertikaian perusahaan melibatkan gaji minimum adalah** sebanyak **56 kes** yang melibatkan **7,598 pekerja**. Daripada jumlah ini, sebanyak **17 (30%)** kes telah diselesaikan melalui rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan bakinya **39 (70%)** kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan.